



Tanggungjawab Sosial Korporat dan pembangunan ekonomi komuniti: Kajian kes perspektif komuniti penerima

Sarmila MS¹, Zaimah R¹, N. Lyndon¹, Azima AM¹, Suhana Saad¹, Selvadurai S¹

¹Pusat Pengajian Sosial Pembangunan and Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

Correspondence: Sarmila MS (email: sarmila@ukm.my)

Abstrak

Syarikat korporat melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) telah dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang kepada program pembangunan komuniti. Justeru itu berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan bagi menggalakkan inisiatif ini. Namun begitu sejauh manakah inisiatif TSK dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti? Artikel ini meneliti perspektif komuniti penerima yang terlibat dengan projek TSK yang telah dilaksanakan oleh syarikat korporat di Pasir Puteh Kelantan. Bagi menjawab persoalan ini seramai 45 ahli komuniti peladang yang terlibat dengan projek TSK telah dikaji selidik. Analisis ke atas data tentang pengalaman peserta projek telah dapat mengenal pasti 15 tema asas. Tema-tema tersebut telah digabungkan menjadi tiga tema utama berdasarkan komponen makna, iaitu peluang pekerjaan, penjanaaan sumber pendapatan dan penjanaaan aset. Ketiga-tiga tema ini menunjukkan makna pembangunan ekonomi yang diberikan oleh komuniti yang terlibat dengan inisiatif TSK tersebut.

Katakunci: kualiti hidup, peladang, pembangunan ekonomi komuniti, pembangunan komuniti, perspektif komuniti, Tanggungjawab Sosial Korporat

Corporate Social Responsibility and community development: Perspective of the recipients

Abstract

Through Corporate Social Responsibility initiatives, the corporations have been identified as one of the contributors of the community development programmes. Hence various efforts had been done to encourage the initiatives. However, to what extent does the CSR initiatives able to contribute to the economic development of the community? This article examines the recipient's community perspective of a CSR project by a corporation in Pasir Puteh Kelantan. A total of 45 farmer community members that participated in the CSR project has been interviewed. Analysis of the data on participants' experiences of the project has identified 15 basic themes. The themes have subsequently been grouped into three components base on the meaning to form three major themes namely employment opportunity, generation of income and acquisition of assets. The three major themes indicate the meaning of economic development given by the community involved in the CSR initiatives.

Keywords: community development, community economic development, community perspectives, Corporate Social Responsibility, farmers, quality of life

Pengenalan

Konsep Tanggungjawab Sosial Korporat - TSK (Corporate Social Responsibility – CRS) mula dibincangkan pada awal dekad ini sebagai salah satu cara bagi syarikat korporat menyumbang kepada pembangunan komuniti (Ideamudia, 2008; Jenkins, 2006; Muthuri, 2007; Newell & Frynas, 2007;

Sharp, 2006; Blowfield & Frynas, 2005; Hamann, 2006; Barney, 2003). TSK juga telah menjadi agenda global kerana di kebanyakan negara sama ada kerajaan atau NGO, masyarakat atau institusi perniagaan sendiri, sudah mula melihat perkara ini sebagai suatu amalan yang mampu menghubungkan institusi perniagaan dan pembangunan (Sharp, 2006; Blowfield & Frynas, 2005; Utting, 2003). Konsep Matlamat Pembangunan Alaf Baru (*Millennium Development Goals* - MDGs) yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga secara jelas menyatakan harapan agar syarikat korporat terlibat sebagai rakan kongsi global dalam usaha membangunkan negara (Hamann, 2006). Namun begitu, sejauh mana harapan ini telah dapat dipenuhi sebenarnya masih menjadi tanda tanya. Bukti literatur sedia ada cenderung untuk tidak menyokong idea Matlamat Pembangunan Alaf baru ini (Blowfield, 2007; Frynas, 2005; Jenkins, 2005). Malah ada kelompok penulis yang mempertikaikan kemampuan inisiatif TSK dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti. Ini kerana, pelaksanaan inisiatif tersebut lazimnya mempunyai tujuan atau motif bagi memenuhi agenda yang berbeza. Bukan bagi memenuhi agenda pembangunan komuniti sesebuah negara. Justeru itu, makalah ini membincangkan TSK dari perspektif komuniti penerima projek. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu memahami kesan pelaksanaan inisiatif TSK tersebut secara keseluruhan, dan terhadap komuniti penerima secara khususnya.

Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) dan pembangunan komuniti

Secara umumnya konsep Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) merujuk kepada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh syarikat korporat sebagaimana yang diunjurkan oleh teori pemegang taruh selain daripada tanggungjawab mempertingkatkan keuntungan dan nilai faedah para pemegang saham sesebuah syarikat. Dengan itu, TSK merangkumi tanggungjawab syarikat kepada pihak berkepentingan yang lain selain daripada pihak pemegang taruh iaitu kepada pekerja, pembekal, komuniti dan juga alam sekitar. Merujuk kepada *World Business Council for Social Development – WBCSD* (2000), TSK adalah komitmen institusi perniagaan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan, berusaha bersama-sama para pekerja, keluarga mereka, komuniti tempatan serta masyarakat secara umum bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Dengan itu, melalui usaha TSK, syarikat korporat akan membina hubungan dengan pihak berkepentingan dan seterusnya membantu meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Sehubungan itu, antara usaha TSK yang dilaksanakan oleh syarikat korporat termasuklah meningkatkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja; usaha pemuliharaan alam sekitar, membangunkan laporan kewangan *triple bottom-line*; membangunkan skema pensijilan dan label bagi produk dan perkhidmatan; menganjurkan dialog dengan para pemegang taruh; melaksanakan perkongsian usaha dengan NGO serta meningkatkan sokongan bagi projek dan program pembangunan komuniti (Utting, 2005:375).

Berdasarkan kepada dimensi dan kategori TSK sedia ada, pelaksanaan dan perbincangan konsep ini sering merujuk kepada tanggungjawab terhadap komuniti sebagai salah satu komponen utama inisiatif ini (Kotler & Lee, 2005; Bursa Malaysia, 2006). Malahan kajian tentang tema inisiatif TSK menunjukkan bahawa tanggungjawab terhadap komuniti telah mendominasi pelaksanaan program TSK oleh kebanyakan syarikat korporat (Kapelus, 2002:279). Tidak kurang juga yang berpandangan bahawa TSK secara semulajadi merupakan usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor swasta bagi membantu melengkapkan sesuatu usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan atau institusi pembangunan multilateral terhadap komuniti (Vives, 2004:46 dalam Ideamudia, 2008:92). Malahan secara definisinya, TSK merupakan suatu usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan komuniti. Oleh itu, inisiatif TSK seringkali dianggap mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam usaha membangunkan komuniti.

Di Malaysia, kerajaan pada masa kebelakangan ini sangat prihatin dan memberi galakan supaya syarikat korporat melaksanakan program dalam kerangka TSK. Pada September 2006, Bursa Malaysia telah melancarkan kerangka tanggungjawab sosial bagi syarikat awam di Malaysia. Kerangka ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan kepada syarikat korporat di Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan empat komponen yang menjadi fokus utama telah dikenal pasti iaitu tanggungjawab kepada alam sekitar, lokasi kerja, komuniti dan lokasi pasaran.

Jadual 1. Komponen kerangka Tanggungjawab Sosial Korporat di Malaysia

Alam Sekitar	Komuniti	Lokasi kerja	Lokasi Pasaran
<ul style="list-style-type: none"> • Pengaplikasian ISO 1400 • keefisyenan tenaga • pengurusan sisa • program kitar semula • pasaran karbon 	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja sukarelawan • Pendidikan • Pembangunan remaja • Rumah bagi yang tidak berke-mampuan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan pekerja • Pelbagai lokasi kerja • Isu gender • Keselamatan dan kesihatan • Pembangunan modal insan 	<ul style="list-style-type: none"> • Produk hijau • Penglibatan pihak pemegang taruh • Pengurusan vendor • Jenama Sosial

Sumber: Bursa Malaysia (2006).

Sokongan daripada pelbagai pihak bagi pelaksanaan inisiatif TSK oleh syarikat korporat juga sangat ketara. Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcob dalam ucapan beliau semasa pelancaran kerangka TSK oleh Bursa Malaysia pada bulan September tahun 2006 telah menyuarakan bahawa perkara ini sangat penting bagi memastikan kesinambungan inisiatif sesebuah syarikat. Hal tersebut mempunyai kaitan dengan visi negara untuk mencapai status negara maju yang tidak hanya dinilai semata-mata berdasarkan kepada jumlah pendapatan dan kekayaan ekonomi tetapi juga mengambil kira faedah pembangunan yang diterima oleh semua lapisan masyarakat (Treasury, 2006). Sehubungan itu Bajet negara Malaysia bagi tahun 2007 telah mencadangkan had potongan cukai ke atas sumbangan pihak swasta kepada pertubuhan kebajikan dinaikkan daripada lima peratus kepada tujuh peratus bagi menggalakkan syarikat menyertai program TSK (Bajet, 2007:24). Fenomena ini menunjukkan bahawa usaha TSK sudah tidak asing lagi di Malaysia. Sehubungan dengan itu, hasil dan kesan pelaksanaan TSK terhadap komuniti di negara ini perlu dinilai bagi memastikan bahawa perlaksanaannya menepati keperluan masyarakat secara umum dan membantu meningkatkan tahap pembangunan ekonomi komuniti secara khusus.

Pembangunan ekonomi komuniti adalah suatu konsep yang sangat subjektif. Shaffer et al. (2006:60) misalnya merujuk pembangunan ekonomi komuniti sebagai suatu keadaan apabila individu dalam komuniti mampu menganalisis keadaan ekonomi dalam komuniti tersebut, mengenal pasti keperluan dan juga peluang ekonomi yang ada, membuat keputusan perkara yang perlu dilakukan untuk meningkatkan keadaan ekonomi dan seterusnya berusaha untuk mencapai tujuan serta objektif ekonomi yang telah disepakati bersama. Pembangunan ekonomi sesebuah komuniti secara rasional bukan bertujuan untuk mengekalkan status quo komuniti tersebut tetapi merupakan sebuah konsep yang cukup komprehensif untuk mengubah keadaan ekonomi daripada yang sedia ada kepada yang lebih baik. Bagi mencapai tujuan ini setiap individu atau kelompok individu memerlukan suatu jumlah atau tahap pendapatan yang sesuai dengan keperluan mereka untuk hidup selesa dan baik (Zainal, 2005). Justeru itu pembangunan ekonomi umumnya merujuk kepada aktiviti yang berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan per kapita isi rumah (Phillip & Pittman, 2009:15).

Sehubungan dengan konsep pembangunan komuniti di atas, Phillip dan Pittman (2009) telah membangunkan model Rangkaian Pembangunan Komuniti. Secara umum objektif utama model pembangunan komuniti tersebut adalah untuk membangunkan aset dalam komuniti yang boleh digunakan untuk menambah baik komuniti; manakala tujuan pembangunan ekonomi pula adalah untuk menggerakkan aset tersebut untuk memberi manfaat kepada komuniti. Hasilnya, komuniti lebih bersedia untuk membuat tindakan dan menambah baik tingkat pencapaian ekonomi mereka. Proses ini akan menghasilkan pertambahan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan kekayaan serta peningkatan tahap dan kualiti kehidupan. Jika ini dapat dicapai maka hal tersebut merupakan petunjuk bahawa komuniti tersebut telah bersedia untuk membangun seterusnya maju.

Walaupun tujuan utama pembangunan ekonomi sesebuah komuniti adalah untuk menghasilkan kekayaan dan juga membantu perubahan atau penyesuaian, namun Shaffer et al. (2006:70) sekali lagi berpendapat bahawa pembangunan komuniti seharusnya mengambil kira kedua-dua aspek kemajuan, iaitu kekayaan berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Kekayaan berbentuk bukan kewangan ini merangkumi peningkatan pilihan dan juga peluang kepada individu di samping penghargaan komuniti

terhadap sesuatu yang membuatkan kehidupan mereka lebih mudah, selesa dan menyenangkan. Justeru itu dalam membincangkan pembangunan komuniti di Malaysia, Maimunah Ismail (2001) merujuk pembangunan komuniti sebagai proses memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat dengan meningkatkan tahap kehidupan, menambah pilihan dalam peluang pekerjaan dan meningkatkan kapasiti sumber dan perkhidmatan yang sedia ada.

Metod kajian

Bagi tujuan mengenal pasti sama ada projek TSK yang dilaksanakan oleh syarikat korporat dapat membangunkan ekonomi komuniti peladang atau sebaliknya, kajian ini direka bentuk menggunakan pendekatan interpretivisme. Aplikasi pendekatan ini bertujuan bagi mengemukakan dan menerangkan pandangan pihak dalaman (insider) iaitu aktor-aktor sosial tentang realiti sosial yang mereka alami (Reevany et al., 2006). Dalam konteks kajian ini pihak dalaman atau aktor sosial yang dimaksudkan ialah penerima atau peserta program TSK yang terlibat dengan projek perladangan cili kontrak di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan. Seramai 45 orang peladang yang terlibat dengan projek perladangan cili kontrak telah ditemu bual secara mendalam. Sehubungan itu strategi penyelidikan ini adalah berkonsepkan abduktif yang merujuk kepada proses konstruksi teori yang dijelmakan daripada bahasa dan makna dalam konteks aktiviti harian aktor-aktor sosial yang dijadikan sebagai asas pemahaman dan penerangan terhadap permasalahan yang dikaji (Blaikie, 2007). Pendekatan interpretivisme ini dapat membantu menjawab persoalan sama ada TSK syarikat korporat terbabit dapat membangunkan ekonomi komuniti peladang atau sebaliknya sebagaimana yang pernah disarankan oleh Blowfield (2007). Dalam konteks kajian TSK ini, penyelidik perlu mengenal pasti tema-tema yang berkaitan dengan program TSK dalam membangunkan ekonomi para peladang (komuniti), iaitu aktor sosial dan seterusnya merumuskannya dari sudut pandang komuniti penerima program itu sendiri.

Projek TSK perladangan cili kontrak

Projek TSK yang dipilih sebagai kes kajian ini adalah projek TSK perladangan cili kontrak yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat korporat multinasional yang bergiat dalam industri pemakanan di Malaysia (nama syarikat sebenar dirahsiakan) dengan kerjasama Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang, Jajahan Pasir Puteh Kelantan. Projek ini memberi peluang kepada komuniti untuk menjalankan projek perladangan cili yang mana hasil cili tersebut akan dibeli oleh syarikat korporat yang terlibat. Projek ini dilaksanakan oleh syarikat korporat terbabit bagi mengaplikasikan falsafah syarikat iaitu untuk 'Mencipta Perkongsian Nilai' (Creating Shared Value). Berdasarkan kepada laporan tahunan syarikat, visi "Mencipta Perkongsian Nilai" ini dilaksanakan oleh syarikat melalui pelaburan yang bukan sahaja membawa kebaikan kepada syarikat tetapi juga kepada komuniti lokal. Projek TSK membantu komuniti peladang di Pasir Puteh Kelantan ini telah bermula pada tahun 1996 dengan hanya empat orang peladang yang mengusahakan ladang cili seluas empat ekar (1.6 hektar). Semasa proses pengumpulan data ini dilakukan iaitu pada bulan Jun 2010 peserta projek ini telah meningkat kepada 242 orang dengan keluasan ladang yang diusahakan sebanyak 242 ekar (98 hektar). Setiap peladang yang terlibat dengan projek ini diberi peluang mengusahakan penanaman cili secara komersial iaitu dengan sekurang-kurangnya sebanyak satu ribu batang pokok cili. Namun begitu secara purata, peladang telah mengusahakan sebanyak 3,000 sehingga 3,500 pokok cili di atas tanah berkeluasan satu ekar (0.41 hektar). Hasil produk cili dari semua peladang yang terlibat akan dikumpulkan oleh pihak PPK sebelum dijual secara kontrak kepada syarikat korporat yang terlibat. Ini bermaksud hasil cili tersebut akan dijual dengan harga yang telah dipersetujui bersama dan juga pada jumlah kuota yang telah berikan oleh syarikat. Kuota akan dipertingkatkan oleh pihak syarikat apabila komuniti menambah jumlah hasil cili mereka. Dengan cara ini peladang tidak perlu bimbang akan pasaran kepada hasil produk ladang cili mereka dan usaha peladang dapat ditumpukan untuk meningkatkan hasil keluaran cili untuk dijual kepada syarikat.

Tema pembangunan ekonomi komuniti

Kajian ini telah dapat mengenal pasti 15 tema asas (TA) berdasarkan naratif responden. Tema-tema ini telah dianalisis dengan membandingkan dan memadankannya antara satu tema dengan satu tema yang lain sehingga dapat dikelaskan kepada tiga tema utama (TU), iaitu TU-1: Peluang pekerjaan, TU-2: Peluang menjana sumber pendapatan dan TU-3: Penjana aset. Kod berupa angka yang membentuk setiap tema asas juga telah dikenal pasti (Jadual 1). Namun, bukan tujuan kajian ini untuk mengkaji kekerapan bagi setiap tema yang muncul kerana analisa dan perbincangan memberi tumpuan kepada pembangunan tema-tema bagi mengenal pasti makna pembangunan ekonomi yang telah diberikan oleh komuniti peladang yang dikaji. Setiap tema tersebut akan dibincangkan seperti yang berikut.

Jadual 1. Tema asas dan tema utama kajian

Tema Asas (TA)	Tema Utama (TU)
TA-1. Tiada pekerjaan lain selain tanam cili (13)	TU-1. Peluang pekerjaan (16)
TA-2. Peluang pekerjaan untuk menetap di kampung(3)	
TA-3. Sumber utama pendapatan keluarga (5)	TU-2. Peluang menjana sumber pendapatan (34)
TA-4. Peluang meningkatkan hasil pendapatan (18)	
TA-5. Peluang mengubah kehidupan (4)	
TA-6. Peluang kerja sampingan (4)	
TA-7. Jaminan sumber kewangan (3)	TU-3. Penjana Aset (34)
TA-8. Dapat beli tanah (9)	
TA-9. Dapat buat rumah (9)	
TA-10. Simpanan untuk perkara penting (5)	
TA-11. Simpanan untuk ibadah haji (4)	
TA-12. Dapat beli kenderaan (4)	
TA-13. Dapat tambah barang kemas (1)	
TA-14. Dapat tambah peralatan pertanian (1)	
TA-15. Dapat melabur (1)	

Nota: () kod peladang yang membuat pernyataan

Tema utama TU-1: Peluang pekerjaan

Tema peluang pekerjaan dibangunkan dari dua tema asas iaitu TA1: Tiada pekerjaan lain dan TA2: Peluang pekerjaan untuk menetap di kampung. Tema asas TA1- Tiada pekerjaan lain ini muncul apabila terdapat komuniti yang memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai kerja lain jika tidak menanam cili bagi projek perladangan kontrak ini. Antara pernyataan peladang yang ditemu bual adalah seperti berikut:

Peladang 34:

Di sini kalau tiada cili, kita kira macam tiada pekerjaan. Tanam padi hanya setahun sekali, selepas tanam padi, tiada kerja. Kalau lada (cili), tanam banyak-banyak pun tak apa sebab nak jual pun senang. Kalau tanam sayur pun susah nak jual. Tak ada yang nak mengambilnya.

Peladang 36:

Sebelum tanam cili ni saya tak ada buat kerja apa-apa. Tak ada kerja nak buat. Kalau tak tanam cili ni saya memang tiada kerja. Cuma menanam sayur-sayur sikit-sikit itu saja.

Keadaan ini menunjukkan bahawa projek perladangan cili kontrak ini telah memberi peluang pekerjaan kepada komuniti yang sebelumnya tidak mempunyai pekerjaan. Selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti di kawasan Bukit Awang, projek perladangan cili ini juga telah

memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian komuniti yang sebelum ini telah keluar berhijrah untuk bekerja di tempat lain.

Peladang 39:

Saya bekerja kontrak di bandar. Hati tu memang nak duduk di kampung tapi saya tak nampak apa saya boleh buat di sini. Tapi tahun 2006 tu saya tengok kawan yang tanam cili boleh berjaya. Jadi saya rasa ni peluang saya balik duduk di kampung. Jadi saya berhenti kerja kontrak. Tu yang saya buat cili sekarang ni.

Peladang 33:

Lepas sekolah saya terus kerja kontrak di Singapura. Kemudian tak lama lepas tu kawan ajak saya balik kampung sebab boleh buat lada di kampung (boleh mengusahakan tanaman cili) sebab dapat kontrak dengan syarikat. Jadi saya balik, buat bertani ni (tanam cili) kemudian berumah tangga dan sampai sekarang saya masih lagi tanam lada.

Naratif daripada para peladang ini menunjukkan bahawa pada hakikatnya mereka menerima projek ini sebagai satu peluang pekerjaan yang mampu untuk menyara kehidupan. Sebahagian mereka berani membuat keputusan untuk kembali menetap di kampung setelah yakin dengan projek penanaman cili tersebut. Fenomena ini telah membangunkan tema asas TA-2 iaitu memberi peluang pekerjaan untuk menetap di kampung. Dengan menggabungkan tema asas TA:1 dan TA-2 ini maka kajian telah membangunkan tema utama TU-1: Peluang pekerjaan.

Tema utama TU-2: Peluang menjana sumber pendapatan

Hasil analisa data juga mendapati bahawa pelaksanaan projek cili kontrak ini telah memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan. Terdapat lima tema asas yang membentuk tema utama ini iaitu TA-3: Sumber utama pendapatan keluarga; TA-4: Peluang meningkatkan hasil pendapatan; TA-5: Peluang mengubah kehidupan; TA-6: Peluang kerja sampingan dan TA-7: Jaminan sumber kewangan.

Hasil analisa data kajian ini seterusnya mendapati bahawa peladang merujuk perladangan cili kontrak sebagai satu sumber utama kepada pendapatan keluarga. Keadaan ini secara jelas dinyatakan oleh peladang:

Peladang 26:

Hasil cili ni sumber pendapatan utama keluarga saya. Hasil cili ni lah kami buat beli makanan, beras semuanya lah. Kalau tak ada hasil cili ni macam mana? Anak-anak nak sekolah. Macam-macam nak beli. Boleh menangis kalau tak ada sumber hasil macam ni.

Penyataan oleh peladang ini menunjukkan bahawa hasil yang diterima daripada penjualan cili digunakan oleh peladang bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan keluarga. Fenomena ini telah membangunkan tema asas TA-3: Sumber utama pendapatan keluarga.

Keterlibatan dalam aktiviti perladangan kontrak ini juga telah dirujuk oleh sebahagian peladang sebagai satu peluang bagi meningkatkan lagi sumber pendapatan sedia ada. Hal ini dapat dikesan daripada penyataan peladang tentang peningkatan hasil pendapatan mereka, iaitu dengan membandingkan pendapatan mereka sebelum dan selepas terlibat dengan perladangan kontrak. Peningkatan hasil pendapatan yang telah dinyatakan oleh peladang ini telah membentuk tema asas TA-4: Peluang meningkatkan hasil pendapatan.

Peladang 2:

Ni yang kita nak bagi tahu ni. Dulu masa awal-awal tu kita tanam tembakau tiga ribu, cili seribu. Apabila tembakau jadi, cili pun jadi. Alhamdulillah Tuhan beri jadi dua-dua. Kita jual hasil tembakau, tak boleh pun dapat RM3,000. Bersih, dapat

RM2,000 je. Tak tolak kos lagi. Kalau tolak kos, dalam RM2,500. Tapi cili yang kita tanam satu ribu pokok tu, dah tolak dengan kos dia, boleh dapat RM7,000.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat peladang yang menyatakan penglibatan mereka dengan projek perladangan cili kontrak ini dapat membawa perubahan kepada kehidupan mereka terutama yang berkaitan dengan sumber ekonomi keluarga. Ini bermaksud peladang merujuk projek ini sebagai satu mekanisme dalam usaha mengubah keadaan hidup sedia ada.

Peladang 25:

Memang kalau peladang yang betul-betul tekun usahakan cili ni hidup akan berubah. Bila dah menjadi (berjaya menanam dan mendapat hasil) memang orang tak akan tinggalkan usaha cili ni.

Peladang 36:

.....yang paling ketara bezanya sekarang ialah duit buat belanja di rumah tu nampak lebih sikit dari sebelum ni lah.

Perbezaan yang ketara dari segi sumber ekonomi keluarga diakui oleh peladang yang terlibat dengan projek perladangan cili kontrak ini yang berubah menjadi lebih baik berbanding kehidupan sebelumnya. Dengan ini maka tema asas TA-5: Peluang mengubah kehidupan telah muncul dalam kajian ini.

Perladangan cili kontrak tidak hanya menjadi sumber pendapatan utama kepada peladang, memberi peluang bagi meningkatkan amaun dan nilai pendapatan (TA-4), tetapi juga sebagai peluang bagi menambah sumber pendapatan. Ini bermaksud, projek cili memberi peluang kepada komuniti setempat untuk melaksanakan perladangan cili sebagai kerja sampingan bagi mereka yang telah mempunyai sumber pendapatan tetap. Gabungan beberapa jenis peluang ini telah membentuk tema asas TA-6: Peluang kerja sampingan.

Peladang 3:

Kalau tak tanam cili tu, saya rehat sajalah sebab saya guru Kafa bukan kerja tiap masa. Tapi sebab ada peluang ni jadi saya cuba tanam. Alhamdulillah menjadi. Boleh tambah gaji yang ada tu.

Kajian juga mendapati terdapat peladang yang menyedari setelah mereka terlibat dengan projek perladangan cili ini, sumber kewangan keluarga berada dalam keadaan stabil. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam kenyataan oleh peladang dan seterusnya membangunkan tema asas TA-7: Jaminan sumber kewangan.

Peladang 30:

Sejak kita tanam lada (cili) ni duit tu kata orang dah tak jadi masalah lah. Kalau kita nak beli apa-apa tu, InsyaAllah duit tu adalah...Malah hasil ni boleh bantu kita buat macam-macam. Sebab tu kalau tak mustahak kita tak ambil duit hasil ni. Kita simpan nanti bila perlu baru kita pergi ambil.

Gabungan dari lima tema asas yang telah dinyatakan di atas telah disatukan bagi membentuk tema utama TU-2: Peluang menjana sumber pendapatan.

Tema utama TU-3: Penjanaan aset

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa sesetengah peladang berjaya menjana aset sejak mereka terlibat dengan projek perladangan cili kontrak. Terdapat lapan tema asas yang menerangkan tema utama penjanaan aset ini, iaitu tema asas TA-8: Dapat beli tanah; TA-9: Dapat buat rumah; TA-10: Simpanan untuk perkara penting; TA-11: Simpanan untuk menunaikan ibadah haji; TA-12: Dapat beli kenderaan; TA-13: Dapat tambah barang kemas; TA-14: Dapat tambah peralatan pertanian dan TA-15: Dapat melabur. Analisa lanjut data kajian ini mendapati, terdapat peladang yang

berkeupayaan untuk membeli tanah selain membuat atau menambah baik rumah mereka yang sedia ada. Peladang juga menyatakan bahawa jumlah pendapatan mereka daripada hasil perladangan cili kontrak ini sebenarnya melebihi jumlah yang diperlukan bagi perbelanjaan harian keluarga mereka.

Peladang 1:

ada duit sikit-sikit ni boleh lah sambung 'bangsal' (sambung rumah) sikit-sikit.....begitu lah...ada duit lebih sikit, bila ada orang nak jual tanah kita beli.....sebab dapat duit masa bekerja macam ni lah boleh membeli

Fenomena ini telah mewujudkan tema asas TA-8 dan juga tema asas TA-9 yang merujuk kepada keupayaan peladang untuk membeli tanah dan juga membuat rumah. Selain itu terdapat juga peladang yang menyatakan hasil pendapatan daripada perladangan cili kontrak ini dapat dijadikan simpanan untuk keperluan keluarga pada masa hadapan khususnya untuk membeli peralatan rumah tangga atau semasa terdesak.

Peladang 21:

Alhamdulillah sejak ada tanam lada ni dapat juga menyimpan. Dulu susah sikit. Macam sekarang, kalau nak beli apa-apa, dapat beli terus sebab ada yang kita simpan sikit-sikit

Kejayaan menabung dalam kalangan komuniti peserta adalah suatu lagi pencapaian projek TSK perladangan cili kontrak di Bukit Awang. Sebelum menyertai projek ini, peladang agak sukar untuk membuat simpanan. Berdasarkan hal tersebut, analisis lanjut ke atas pernyataan naratif para peladang terbabit telah mengenal pasti tema asas TA-Simpanan untuk perkara penting. Seterusnya, dalam membincangkan simpanan yang dapat dibuat oleh peladang, mereka telah memaklumkan satu lagi jenis simpanan iaitu simpanan bagi tujuan ibadah haji di Mekah. Selain itu, terdapat juga peladang yang menyimpan dengan membuat pelaburan tambahan khususnya di skim amanah saham yang mereka sertai.

Peladang 5:

Alhamdulillah, dalam sedikit sebanyak tu kita dapat menyimpan pergi ke Mekah (melakukan ibadah haji)

Peladang 41:

sejak tanam cili kita boleh lah simpan dalam skim amanah yang kita masuk tu

Kejayaan menyimpan ini secara umumnya menunjukkan satu pencapaian status keupayaan ekonomi dalam komuniti peserta. Peserta yang berjaya menyimpan secara tidak langsung menunjukkan bahawa mereka mempunyai lebihan pendapatan. Selain simpanan, kajian ini juga mendapati bahawa peladang menunjukkan keupayaan mereka untuk membeli beberapa aset seperti kenderaan dan juga barang kemas yang juga suatu simbol pencapaian status ekonomi dalam komuniti.

Peladang 6:

Perubahan yang tak dijangka, dulu saya ada basikal, lepas tu, saya pakai motosikal. Saya ingat lagi harga motosikal tu, RM1,300. Saya bayar tiga kali masa tu. Tapi setakat saya buat cili sampai sekarang, saya boleh beli kereta untuk kali kedua.

Peladang 1:

Kita boleh beli barang kemas semua dari hasil lada. Masa dulu masa dia (menunjuk kepada suaminya) bawak teksi boleh buat makan saja. Kita orang perempuan perlu perhiasan kan. Perhiasan orang Kelantan memang barang kemas lah.

Kedua-dua pencapaian ini secara bergabung telah membentuk tema asas TA-12 dan TA-13. Tema asas tersebut merujuk kepada pembelian kenderaan dan juga pembelian barang kemas. Selain itu, terdapat juga peladang yang menyatakan bahawa pendapatan yang mereka peroleh digunakan untuk

meningkatkan lagi produktiviti ladang dengan membeli peralatan pertanian moden seperti pam air dan pam racun.

Peladang 33:

hasil daripada tanaman cili tu saya beli pam racun, pam air dan juga peralatan pertanian yang lain untuk kemudahan pertanian sebab PPK cuma bagi pinjam saja secara berkelompok. Kalau kita nak guna untuk sendiri kita kenal beli sendiri lah.

Perbincangan

Berdasarkan tema-tema yang terbentuk, kajian ini mendapati bahawa penglibatan peladang dengan projek perladangan cili kontrak telah membantu membawa perubahan kepada ekonomi komuniti peladang. Tema utama TU-1 yang merujuk kepada peluang pekerjaan membuktikan bahawa keadaan ekonomi komuniti peladang di Bukit Awang telah bertambah baik. Ini selaras dengan pernyataan Maimunah Ismail (2001:7) bahawa salah satu faktor yang boleh dijadikan penunjuk pembangunan ekonomi adalah apabila komuniti dapat menambah pilihan dalam peluang pekerjaan. Tema peluang pekerjaan dalam kajian ini merujuk kepada peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh projek perladangan kontrak cili. Seseengah peladang yang tidak mempunyai pekerjaan sebelum ini (TA-1) telah dapat bekerja. Lanjutan dari itu, tema asas TA-2 pula menggambarkan bahawa dengan adanya peluang pekerjaan, maka komuniti berpeluang untuk membuat keputusan dan memilih untuk bekerja malah menetap di kampung. Keadaan ini menunjukkan adanya kesan yang positif kepada komuniti setempat akibat penjanaaan peluang pekerjaan melalui projek perladangan cili kontrak.


Dalam membangunkan model rantaian pembangunan, Phillip dan Pittman (2009) telah meletakkan peluang pekerjaan sebagai salah satu hasil pembangunan komuniti kesan daripada pergerakan aset dalam komuniti berkenaan. Dalam kes projek TSK perladangan cili kontrak di Bukit Awang, penglibatan komuniti dalam projek tersebut telah memberi ruang kepada pergerakan aset sama ada dari segi modal manusia, iaitu peladang itu sendiri, ataupun aset dalam bentuk hasil pengeluaran ladang, iaitu hasil cili yang dijual secara komersial. Pergerakan aset yang berlaku dalam komuniti TSK ini telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya membangunkan komuniti peladang. Justeru itu, pewujudan peluang pekerjaan melalui projek TSK di Bukit Awang ini adalah selaras dengan projek pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan di tempat lain. Oleh itu projek TSK ini adalah selari dengan matlamat pembangunan negara Malaysia.

Penemuan tema utama, iaitu TU-Menjana Sumber Pendapatan yang merujuk kepada penjanaaan pendapatan sebagai punca pendapatan utama, sumber pendapatan dari peluang bekerja sambil, sumber pendapatan yang lebih tinggi berbanding sumber pendapatan komuniti sebelum ini, sumber pendapatan yang dapat mengubah taraf hidup peserta kepada yang lebih baik dan juga sumber pendapatan yang menjadikan status kewangan peladang lebih kukuh (rujuk TA-3 hingga TA-7), merupakan suatu pencapaian yang cemerlang projek TSK ini. Melalui tema ini peladang digambarkan mengalami peningkatan status ekonomi khususnya dari segi kewangan. Faktor kewangan ini merupakan sebahagian daripada pelbagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan ekonomi komuniti sebagaimana yang dinyatakan oleh Shaffer et al. (2006), peningkatan kekayaan kewangan adalah sebahagian daripada faktor penting yang perlu diambil kira dalam menilai pembangunan ekonomi komuniti. Hal ini juga turut dipersetujui oleh Phillip dan Pittman (2009) yang melihat peningkatan pendapatan dan juga kekayaan adalah sebahagian daripada hasil pembangunan ekonomi komuniti.

Seterusnya, tema utama TU-3 yang merujuk kepada Pembinaan Aset boleh dikategorikan ke dalam salah satu komponen kesejahteraan ekonomi komuniti. Pembinaan aset ini merangkumi pembelian tanah, membeli atau membaiki rumah, menambah simpanan, membeli kenderaan dan barang kemas selain melabur dalam saham amanah yang kesemuanya adalah pemboleh ubah ekonomi yang signifikan membentuk tahap kesejahteraan komuniti selaras dengan penemuan Mohd Yusof et al. (2011) yang dalam kajian mereka membuktikan bahawa selain pekerjaan, pemilikan barangan adalah antara penunjuk yang sangat penting dalam memberi makna kesejahteraan kepada komuniti. Justeru itu, selain memberi peluang pekerjaan dan juga menjana sumber pendapatan kepada komuniti, projek TSK perladangan cili kontrak ini juga telah dimaknakan oleh komuniti peladang yang terlibat sebagai projek yang dapat memberi peluang kepada mereka menjana aset seperti tanah, rumah dan

juga wang simpanan. Secara tidak langsung, keadaan yang dialami oleh peladang ini boleh diinterpretasikan sebagai suatu peningkatan dalam tahap hidup komuniti. Sekali lagi hal ini merupakan sebahagian daripada proses dalam mencapai pembangunan ekonomi komuniti menurut model rantaian pembangunan komuniti oleh Phillip dan Pittman (2009).

Secara teori, pencapaian pembangunan ekonomi komuniti melalui projek TSK perladangan cili kontrak dengan kerjasama pihak PPK Bukit Awang, di Pasir Puteh Kelantan, telah dikonsepsikan oleh komuniti penerima projek berdasarkan tiga tema utama, iaitu peluang pekerjaan, penjanaaan sumber pendapatan dan penjanaaan aset. Secara sistematik ketiga-tiga tema utama dan tema-tema asas yang membentuknya ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Pembangunan ekonomi komuniti peladang

Kesimpulan

Berdasarkan analisis pengalaman peladang yang terlibat dengan projek TSK yang merupakan projek perladangan cili kontrak anjuran syarikat korporat yang disertai oleh komuniti peladang dengan kerjasama pihak PPK Bukit Awang, tiga tema utama telah dapat dikenal pasti dan dibincangkan. Ketiga-tiga tema utama tersebut ialah peluang pekerjaan, peluang menjana sumber pendapatan dan juga penjanaaan aset. Gabungan ketiga-tiga tema ini memberi gambaran sebenar tentang pencapaian status ekonomi komuniti peserta. Kepada komuniti penerima projek TSK di Bukit Awang, perubahan ini memberi makna yang sangat signifikan dalam konteks kehidupan mereka. Tafsiran terhadap luahan pengalaman mereka ini membuktikan perubahan yang mendasar telah berlaku pada keadaan ekonomi komuniti. Penilaian ini bukan berasaskan prestasi program pada pandangan pihak penganjur sebaliknya berdasarkan pandangan aktor sosial yang terlibat itu sendiri. Makna yang diberikan oleh aktor sosial, iaitu peladang yang dikaji selaku komuniti penerima yang terlibat secara langsung dengan projek TSK perladangan kontrak ini, menunjukkan bahawa projek TSK yang dilaksanakan

oleh pihak syarikat korporat dengan kerjasama PPK telah membawa banyak perubahan kepada keadaan ekonomi komuniti yang terlibat. Justeru itu, dapat dikatakan di sini bahawa projek TSK seperti yang dilaksanakan oleh syarikat korporat bertaraf multinasional ini terhadap komuniti desa mempunyai potensi yang besar untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti di Malaysia secara keseluruhannya.

Rujukan

- Bajet tahun 2007* (2007). [cited September 15, 2009]. Available from: <http://library.kdn.gov.my/documents/bmbajet2007.pdf>.
- Barney I (2003) Business, community development and sustainable livelihood approach. *Community Development Journal* **38** (3), 255-265.
- Blaikie NWH (2007) *Approaches to social enquiry: Advancing knowledge* (2nd Ed.). Polity Press, Cambridge.
- Blowfield M, Frynas J (2005) Setting new agendas: Critical perspectives on Corporate Social Responsibility in the developing world. *International Affairs* **81** (3), 499-513.
- Blowfield M (2007) Reasons to be cheerful? What we know about TSK's impact. *Third World Quarterly* **28** (4), 683-695.
- Bursa Malaysia* (2006). Bursa Malaysia's TSK framework for Malaysian PLCs. [cited May 28, 2008]. Available from: http://www.klse.com.my/website/bm/about_us/.
- Frynas J (2005) The false developmental promise of Corporate Social Responsibility: Evidence from multinational oil companies. *International Affairs* **81** (3), 581-598.
- Hamann R (2006) Can business make decisive contributions to development? Towards a research agenda on corporate citizenship and beyond. *Development Southern Africa* **23** (2), 175-195.
- Ideamudia U (2008) Conceptualising the TSK and development debate: Bridging existing analytical gaps. *Journal of Corporate Citizenship* **29** (Spring), 91-110.
- Jenkins R (2005) Globalization, Corporate Social Responsibility and poverty. *International Affairs* **81**(3), 525-540.
- Kapelus P (2002) Mining, Corporate Social Responsibility and the "community": The case of Rio Tinto, Richards Bay Minerals and the Mbonambi. *Journal of Business Ethics* **39** (3), 275-296.
- Kotler P, Lee N (2005) *Corporate social responsibility: Doing the most good for your company and your cause*. John Wiley & Sons Inc., New Jersey.
- Maimunah Ismail (2001) *Malaysian women in rural development and entrepreneurship: From rural producers to urban entrepreneur*. Asean Academic Press, London.
- Mohd Yusof Hussain, Azima Abdul Manaf, Zaimah Ramli, Suhana Saad. (2011). Kesejahteraan sosial masyarakat nelayan: Kajian kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **7** (5), 80-90. [cited 10 January 2012]. Available from: <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia-2011-4-sp-yusof,azima-ukm-2-am.doc.pdf>
- Muthuri JN (2007) Corporate citizenship and sustainable development. *Journal of Corporate Citizenship* **28** (Winter), 73-84.
- Newell P, Frynas JG (2007) Beyond TSK? Business, poverty and social justice: An introduction. *Third World Quarterly* **28** (4), 669-681.
- Philips R, Pitmann RH (2009) A framework for community and economic development. In: Philips R, Pitman R (eds) *An introduction to community development*, pp. 3-15. Routledge, London.
- Philips R, Pitmann RH (2009) Conclusions and observations on future of community development. In: Philips R, Pitman R (eds) *An introduction to community development*, pp. 352-354. Routledge, London.
- Reevany Bustami, Ellisha Nasruddin, Blaikie N (2006) *Lima falsafah penyelidikan paradigma dan strategi penyelidikan untuk sains sosial dan pengurusan*. Knowledge Craftsmen, Pulau Pinang, Malaysia.
- Shaffer R, Deller S, Marcouller D (2006) Rethinking community economic development. *Economic Development Quarterly* **20** (1), 59-74.

- Sharp J (2006) Corporate Social Responsibility and development: An anthropological perspective. *Development Southern Africa* **23** (2), 214-222.
- Treasury (2006) *Launch of Bursa Malaysia's CSR framework for PLCs*. [cited November 20, 2009]. Available from: <http://www.treasury.gov.my/index>.
- Utting P (2003) Promoting development through Corporate Social Responsibility—Prospects and limitations. *Global Future* **3**, 11–13.
- Utting P (2005) Corporate responsibility and the movement of business. *Development in practice*. **15** (3&4), 375-388.
- Vives A (2004) The role of multilateral development institution in fostering Corporate Social Responsibility. *Development* **47** (3), 45-52.
- World Business Council for Sustainable Development (WBCSD) (2000) *Corporate Social Responsibility: Meeting changing expectations*. [cited April 15, 2007]. Available from: <http://www.Wbcd.org/DocRoot/RGK80049ErwnWXIwtf/>.
- Zainal Kling (2005) Petunjuk pembangunan sosial dalam sesebuah ekonomi maju. *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Al haj dan Seminar Selangor*, pp. 126-143. Jabatan Mufti Selangor, Selangor.